

## **FUNGSI KOKURIKULUM DALAM KECEMERLANGAN KEMENJADIAN MURID DI SEKOLAH RENDAH AGAMA**

### **CO-CURRICULUM FUNCTIONS RELATED TO PUPILS' OUTCOMES AND EXCELLENCE IN PRIMARY RELIGIOUS SCHOOLS**

***Zetty Nurzuliana Rashed<sup>1</sup>, Ab Halim Tamuri<sup>2</sup> & Siti Suhaila Ihwani<sup>3</sup>***

*Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor<sup>1</sup>*

*Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia<sup>2</sup>*

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia<sup>3</sup>*

*zetty@kuis.edu.my<sup>1</sup>, abhalim@ukm.edu.my<sup>2</sup> & sitisuhaila@utm.edu.my<sup>3</sup>*

#### **ABSTRACT**

*Co-curriculum programs are part of the teaching and learning process in schools. The importance of this program is also on par with the importance of activities in the classroom as it contributes and complements the effectiveness of teaching and learning. This study presents two objectives, namely; first, to explore the level of understanding of religious primary school teachers on the aspect of the pupil's wholesomeness; and second is to examine the importance of co-curriculum in shaping the pupils' wholesomeness. This study uses the qualitative design descriptively. The researcher has gathered information through an interview with study participants consisting of nine teachers who taught and indirectly involved with co-curricular activities at the Religious Primary School in Selangor. In addition, documents were analyzed from several data sources to examine and make interpretations on this phenomenon. The study found that there are several themes that have emerged related to the concept and importance of co-curricular activities that form students' wholesomeness. The concept of wholesomeness includes aspects such as holistic, JERIS, knowledge comprehension and skills. Meanwhile this co-curricular aspect is important to build students' potential, interests, foster cooperation and build healthy body. The school should play its role so that students are active in co-curricular activities. This is because the activity provides opportunities for students to become more active and agile. Therefore, all students are encouraged to participate in co-curricular activities so that competitive, skilled, creative and innovative students can be produced.*

*Keywords: co-curriculum, wholesomeness, excellence, Religious Primary School*

#### **ABSTRAK**

Program kokurikulum adalah sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kepentingan program ini juga setara dengan kepentingan aktiviti di dalam bilik darjah kerana peranannya merupakan penyumbang dan pelengkap kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini mengemukakan dua objektif iaitu; pertama, meneroka tahap kefahaman guru sekolah rendah agama terhadap aspek kemenjadian murid kedua adalah meneliti kepentingan kokurikulum dapat membentuk kemenjadian murid. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif secara deskriptif. Pengkaji telah mengumpul maklumat melalui proses temu bual dengan peserta kajian terdiri dari sembilan orang guru yang mengajar secara tidak langsung terlibat dengan aktiviti kokurikulum di Sekolah Rendah Agama di negeri Selangor. Di samping itu analisis dokumen beberapa data bagi tujuan membuat interpretasi tentang fenomena ini. Dapatan kajian mendapati terdapat beberapa tema yang muncul berkaitan dengan konsep dan kepentingan kokurikulum membentuk kemenjadian murid. Konsep kemenjadian meliputi aspek holistik, aspek

JERIS, aspek faham ilmu dan kemahiran. Manakala aspek kokurikulum ini adalah penting untuk bina potensi murid, bina minat, memupuk semangat kerjasama dan membina badan yang sihat. Pihak sekolah hendaklah memainkan peranan supaya pelajar bergiat cergas dalam kegiatan kokurikulum. Hal ini demikian kerana kegiatan kokurikulum ini memberikan peluang kepada para murid untuk menjadi lebih giat dan cergas. Oleh itu, semua murid digalakkan mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum supaya pelajar yang berdaya saing, berketerampilan, kreatif dan inovatif dapat dihasilkan.

Kata kunci: kokurikulum, kemenjadian, kecemerlangan, Sekolah Rendah Agama

## **PENDAHULUAN**

Pembangunan insan adalah satu proses membentuk dan mendidik manusia secara seimbang dan holistik. Ia merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, fizikal, intelek dan sosial untuk kepentingan duniawi dan ukhrawi. Menurut Saharia (2015) pendidikan ialah satu sistem dalam sesebuah kehidupan yang mengandungi aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pembentukan dan perkembangan ilmu, kemahiran, kerohanian dan jasmani manusia. Secara umumnya, pendidikan itu hanyalah bentuk-bentuk latihan bagi membentuk diri individu, masyarakat dan negara sesuai dengan realiti dan cabaran semasa. Di Malaysia, matlamat dan hasrat pendidikan itu dapat dilihat dalam pembentukan sebuah falsafah pendidikan. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) direncanakan untuk melahirkan warganegara yang mempunyai sahsiah yang baik, seimbang dan sepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan kepada Tuhan. Bukan sekadar FPK malah Falsafah Pendidikan Islam (FPI) juga menyokong matlamat FPK dengan menyatakan bahawa dasar kepada pendidikan itu adalah bersumberkan kepada al-Quran dan as-Sunnah. Berdasarkan falsafah ini, maka kurikulum yang direkabentuk di sekolah adalah selaras dengan hasrat FPK dan FPI iaitu untuk membentuk, membangun dan mengembangkan potensi individu ke arah pembangunan insan yang seimbang dan harmonis berlandaskan al-Quran dan al- Sunnah.

Manakala aspek kokurikulum pula direkabentuk adalah untuk merealisasikan FPK. Aktiviti kokurikulum adalah sebahagian daripada kurikulum sekolah, dan setiap murid harus melibatkan diri. Aktiviti ini boleh dijalankan di dalam dan di luar bilik darjah, mengikut kesesuaian sesuatu aktiviti. Di samping itu, aktiviti kokurikulum ini dapat menyediakan pelbagai pengetahuan dan pengalaman untuk perkembangan mental, minat, bakat, jasmani, rohani dan pembentukan nilai-nilai estetika serta sosial yang positif (Sheila Machael & Abdul Said 2019).

Antara matlamat yang hendak dicapai melalui aktiviti kokurikulum adalah seperti berikut; pertama, dapat menyemai kesedaran murid-murid terhadap agama dan kepercayaan kepada Tuhan; kedua, dapat menyeimbangkan antara perkembangan mental, rohani, jasmani dan emosi murid-murid; ketiga, dapat mengukuhkan perhubungan dan pergaulan dalam kalangan murid dalam sekolah dan di antara sekolah; keempat, adalah dapat membina dan meningkatkan minat dan bakat murid-murid dalam aktiviti yang diceburi; kelima, dapat membina dan meningkatkan disiplin murid; keenam, adalah dapat mewujudkan budaya sekolah yang menarik dan mengembirakan; ketujuh adalah membina dan meningkatkan kerjasama serta hubungan dua hala antara sekolah dan masyarakat; dan yang terakhir adalah mewujudkan sekolah berwatak.

Dalam usaha melahirkan individu yang selaras dengan FPK, pihak pentadbir sekolah perlu berganding bahu dengan guru supaya dapat memantapkan pelaksanaan kokurikulum yang sistematik (Sheila & Abdul Said, 2019). Kegiatan kokurikulum ini harus disertai oleh setiap pelajar

samada dilaksanakan di dalam ataupun di luar bilik darjah bergantung kepada keperluan dan kesesuaian sesuatu aktiviti tersebut. Kegiatan kokurikulum ini penting diikuti oleh pelajar untuk membolehkan mereka memperoleh seberapa banyak pengalaman, kemahiran dan pengetahuan untuk mengembangkan kredibiliti yang ada pada diri mereka (Shiamila Chupramaniam & Jamal@Nordin (2021). Shefman (2016) juga menerangkan bahawa aktiviti kokurikulum yang juga dikenali sebagai kurikulum tersembunyi lebih menekankan perkara dan aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan, kepimpinan, sosial dan sebagainya.

### **Kedudukan Kokurikulum dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan dan Kepentingan**

Dalam era pembangunan yang berkembang pesat tanpa batasan, Malaysia perlu memastikan matlamat wawasan pendidikan negara yang sentiasa diimpikan selama ini tercapai. Wawasan yang ingin mewujudkan negara maju mengikut acuannya sendiri memerlukan pengorbanan dan usaha yang gigih daripada masyarakat. Hal ini disebabkan, wawasan tersebut hanya akan dapat dicapai sekiranya rakyat Malaysia mampu melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama dan negara (Sheila Machael dan Abdul Said Ambotang 2019). Dengan itu, tanggungjawab untuk memenuhi dan melahirkan generasi tersebut telah diletakkan di bahu institusi pendidikan sejak dari awal lagi dan telah termaktub di dalam FPK. Maka, sistem pendidikan negara secara tidak langsung memainkan peranan yang penting dalam mencapai agenda Transformasi Nasional 50 (TN50). Pelbagai usaha yang telah dan sedang giat dilakukan dalam bidang pendidikan di Malaysia. Dalam pada itu, antara usaha yang telah dilakukan ialah mengadakan kegiatan kokurikulum dalam semua peringkat institusi pendidikan di Malaysia.

Selain itu, menurut Afnan Faiz Ridzuan & Jasni (2019), aktiviti kokurikulum yang hendak dijalankan mestilah mempunyai matlamat, objektif, kaedah pelaksanaan yang jelas dan turut mempunyai skema penilaian yang bersifat progresif dan pragmatis. Dalam pada itu, aktiviti kokurikulum tersebut juga perlu mempunyai elemen-elemen pengetahuan, nilai-nilai murni dan kemahiran baharu yang akan diperolehi oleh murid melalui pengalaman sepanjang melaksanakan aktiviti tersebut. Perkara ini penting kerana aktiviti kokurikulum merupakan aktiviti lanjutan kepada proses pembelajaran dan pengajaran yang berlaku dalam bilik darjah yang berfungsi sebagai pengukuhan dan menjadi platform untuk murid mengamalkan ilmu yang telah dipelajari. Justeru, guru penasihat kelab persatuan, sukan permainan dan badan beruniform perlu merancang terlebih dahulu sebelum sesuatu aktiviti kokurikulum itu dijalankan Peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan 1997).

Sang (2008) menyatakan bahawa kokurikulum dijalankan di sekolah adalah bertujuan untuk menyemai, memupuk dan menanam perasaan *esprit de corps*, iaitu perasaan kekitaan yang wujud di antara murid berbilang kaum di sekolah, melatih murid untuk bertanggungjawab, berdisiplin, berdikari, serta berkemahiran dalam sesuatu bidang yang mereka sertai berdasarkan Laporan Kabinet 1979. Ab. Alim (2004) dan Tam (2010) mendakwa bahawa kokurikulum memainkan peranan yang penting kerana ianya bertujuan untuk merealisasikan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran merentasi kurikulum yang boleh diperolehi melalui aktiviti pendidikan jasmani, seni dan rekreasi, aktiviti sains dan teknologi serta aktiviti kumpulan dan sosial.

Di samping itu, aktiviti kokurikulum juga dapat memberi peluang kepada murid untuk membina kekuatan jasmani, meningkatkan keupayaan mental dan membantu dalam kestabilan emosi. Marjohan dan Mohd Sufian (2007) berpendapat aktiviti kokurikulum merupakan salah satu kaedah untuk membentuk perkembangan personaliti pelajar. Hal ini kerana, aktiviti kokurikulum


dapat membantu murid untuk berfikiran positif dan mempunyai semangat berpasukan yang tinggi. Malah, menurut Nur Izza & Wan Hanim (2014), melalui aktiviti kokurikulum di sekolah, murid dapat mengembangkan beberapa domain penting iaitu domain intelek dan domain personaliti.

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan (2013-2025), pihak kementerian telah menetapkan bahawa setiap murid perlulah menyertai sekurang-kurangnya satu sukan, satu kelab dan satu unit beruniform di sekolah. Program ini bertujuan untuk membina bakat, memupuk minat dan membentuk kemahiran kepimpinan dalam kalangan murid sekolah. Ini penting dilaksanakan agar penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum dapat ditingkatkan. Oleh itu, bagi memastikan tujuan dan matlamat kokurikulum yang dilaksanakan tercapai, pelbagai pihak perlu bekerjasama untuk menjayakannya terutama di peringkat sekolah. Oleh yang demikian, pengurusan dan pelaksanaan kokurikulum di peringkat sekolah haruslah dijalankan dengan sistematik dengan bantuan dan kerjasama daripada pihak pentadbir sekolah serta guru agar matlamat untuk melahirkan individu yang selaras dengan kehendak FPK dapat dipenuhi. Walau bagaimanapun, bagi memastikan keberkesanan kokurikulum yang diadakan di sekolah, penglibatan murid perlulah diberikan perhatian oleh guru dan pihak pentadbir sekolah. Hal ini bagi memastikan objektif aktiviti kokurikulum yang diadakan dapat dicapai secara menyeluruh. Fischer & Theis (2014) membuktikan bahawa terdapat hubungan di antara aktiviti kokurikulum yang berkualiti dengan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum di sekolah. Pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang berkualiti dapat memberikan motivasi positif kepada murid untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti kokurikulum.

Yahya Don & Ibrahim (2019) menjelaskan bahawa kegiatan kokurikulum sekolah di Malaysia merupakan suatu bentuk pembelajaran yang wajib dihadiri oleh murid kerana ia termasuk dalam kurikulum peringkat nasional. Menurut Abu Bakar Nordin (2013) dan disokong oleh Herppich, S. (2017) bahawa aktiviti kokurikulum bertujuan untuk pengembangan minda mencakupi pengetahuan, keterampilan, norma, nilai, unsur budaya dan kepercayaan untuk membantu perkembangan pelajar yang dididik secara mantap zahir dan batin. Di samping itu, pandangan Curtin University (2018) menyatakan bahawa emosi murid perlu ditanam dengan nilai-nilai moral yang tinggi dalam aspek kegiatan kokurikulum. Matlamat kokurikulum yang ingin disampaikan kepada murid adalah untuk memberikan pengetahuan yang mendalam menerusi aktiviti luar kelas yang menarik minat murid menyertainya secara berterusan, (Asadullah, M. Niaz, 2018). Meneliti pernyataan FPK di atas, falsafah ini digubal berdasarkan kepada matlamat yang mahu dicapai serta hasrat dan impian falsafah pendidikan yang unggul. FPK menganjurkan konsep *pendidikan sepadu*, dengan memautkan ilmu yang bercorak *naqliyah* dan mutlak untuk kehidupan sebenar dan menguasai pelbagai kemahiran yang canggih bagi kehidupan seharian manusia di dunia ini. Konsep pendidikan sepadu ini boleh menghalang pemisahan ilmu yang disebabkan fahaman dan unsur-unsur dualisme dan sekular. Zarin dan Ab Halim (2007) telah pun menghuraikan bahawa FPK menghubungkan semua potensi diri pada setiap individu dan memastikan bahawa mereka memiliki sahsiah yang bersepadu iaitu *unsur Intelek, rohani, jasmani* dan *emosi*.

Keempat-empat komponen adalah saling berkaitan antara satu sama lain yang mana aspek rohani merupakan teras kepada ketiga-tiga komponen lagi iaitu emosi, jasmani dan intelektual. Noor Hisham Md Nawawi (2018) telah menghuraikan kaedah yang lebih tepat mengenai konsep tersebut ialah dengan meletakkan rohani sebagai teras yang akan memandu potensi lain secara seimbang dan harmonis seperti Rajah 1 berikut:

Rajah 1: Konsep kesepaduan ilmu dalam pendidikan



Beliau menjelaskan bahawa, berdasarkan kefahaman tersebut, membentuk manusiawi adalah membina potensi rohani atau *qalb* manusia yang terkandung di dalamnya himpunan nilai dan prinsip terdalam manusia yang terdiri daripada kepercayaan dan iman, visi dan misi kehidupan individu dan juga keseluruhan tasawwur atau pandangan alam kehidupannya. Potensi ini kemudiannya akan memimpin atau memandu potensi-potensi lain secara seimbang dan harmonis. Potensi ini (rohani) tidak boleh dilihat secara terpisah dengan potensi-potensi lain kerana setiapnya saling berinteraksi antara satu sama lain yang membentuk tingkatan nafsu manusia (samada *ammarah*, *lawwamah*, atau *mutmainnah*). Sekiranya teras atau pusat kawalan manusia dikuasai oleh potensi intelek atau emosi lebih-lebih lagi dalam keadaan status nafsu *ammarah*, maka tahap manusiawi manusia akan berada dalam keadaan yang lemah. Namun jika potensi rohani atau *qalb* ini berfungsi dengan baik sesuai dengan fitrah asalnya, ia akan memimpin keseluruhan potensi lain (intelek, emosi dan jasad) dengan baik dan harmonis (Noor Hisham Md Nawawi, 2018). Ini adalah menjadi asas utama dalam pemupukan nilai perpaduan bangsa dan kesejahteraan negara. Pendidikan Islam perlu dijadikan sebagai pemangkin kepada pemupukan nilai kepada pelajar-pelajar khususnya dan masyarakat lain amnya yang mana Islam telah memberikan prinsip-prinsip umum dalam pemupukan nilai berasaskan konsep akhlak dan adab yang komprehensif.

### Pelaksanaan Kokurikulum Di Sekolah Rendah Agama

Aktiviti yang sihat dan bermanfaat dalam Islam adalah harus sifatnya dan lagi dituntut sekiranya ia memberi manfaat kepada seseorang. Segala aktiviti yang bersifat membina minda dan fizikal yang sihat ini selari dengan laungan *al-'aql al-salim fi al-jism al-salim*. Islam bukan sekadar menghendaki kesihatan pada pemikiran, malah juga kepada anggota badan supaya seseorang itu akan sihat pada keseluruhan dirinya. Pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah adalah atas dasar menjamin kebaikan kepada semua murid. Aktiviti kokurikulum merangkumi tiga aktiviti utama iaitu kelab persatuan, sukan permainan dan unit beruniform atau dikenali dengan nama Pasukan Pakaian Seragam (Omardin Ashaari 1998). Aktiviti ini dirancang untuk melahirkan murid yang berdisiplin, berfikiran matang, mempunyai bakat kepimpinan dan berdaya saing. Jadual 1 di bawah menunjukkan senarai aktiviti kokurikulum sekolah di bawah JAIS.

Jadual 1: Senarai Aktiviti Ko-Kurikulum Sekolah Bawah Kelolaan JAIS (2019)

BIL	KATEGORI SEKOLAH	AKTIVITI KO-KURIKULUM
01	Sekolah Rendah Agama / KAFA	- KAMIL (Kemahiran Amal Islami)

---

02	Sekolah Rendah Agama Integrasi	- KAMIL (Kemahiran Amal Islami) - Sukan SRAI - Badan Beruniform - Kelab & Persatuan
03	Maahad Integrasi Tahfiz Sains	- KAMIL (Kemahiran Amal Islami) - KESSUMAS (Kejohanan Sukan Sekolah Agama) - Badan Beruniform - Kelab & Persatuan
04	Kelas Kafa Menengah	- KAMIL (Kemahiran Amal Islami)
05	Sekolah Menengah Agama	- KAMIL (Kemahiran Amal Islami) - KESSUMAS (Kejohanan Sukan Sekolah Agama) - Badan Beruniform - Kelab & Persatuan

---

Kajian ini memfokuskan tentang acara Kemahiran Amal Islami (KAMIL) yang merupakan wadah penting di SRA bagi menghasilkan produk insan yang berketrampilan, berwibawa dan berani bersaing. Aktiviti seperti acara pidato dan syarahan menjadikan murid itu kreatif dalam mengutarakan idea dan pandangan mereka tersendiri. Acara seperti solat jenazah, selain mampu memimpin diri sendiri, murid dapat memanfaatkan ilmu tersebut secara teori dan praktikalnya kepada masyarakat suatu masa nanti. Aktiviti kokurikulum di SRA ini juga dapat mengeratkan silaturahim antara guru dan murid. Aktiviti KAMIL yang dikendalikan di SRA merupakan program latihan khusus untuk membudayakan kehidupan murid ke arah tarbiah Islami yang syumul. Program tahunan ini adalah untuk mencungkil bakat dan potensi murid, menanam sifat dan kerjasama bagi merealisasikan matlamat Falsafah Pendidikan Islam JAIS. Pepatah Melayu ada mengungkapkan “melentur buluh itu bermula dari rebung”. Untuk membina generasi pemimpin muda yang hebat pada masa hadapan, usahanya perlu bermula sejak di bangku sekolah lagi. Di sekolah, murid diberi peluang melibatkan diri dengan aktiviti ko-kurikulum yang disediakan. Bakat mereka akan dicungkil, digilap, diasah supaya berani menonjolkan diri di hadapan khalayak ramai.

### **Elemen IHES Dalam Ko Kurikulum JAIS Membentuk Kemenjadian Murid**

Sistem Pendidikan Integrasi dan Holistik (IHES) merupakan hasil penemuan dalam perjalanan jihad pendidikan di Bahagian Pendidikan Islam, JAIS. Ia merupakan kerjasama antara BPI, JAIS dan Sekolah Islam, ADNI bagi membangunkan sistem pendidikan Islam di negeri Selangor. Bermula tahun 2007 melalui penglibatan beberapa orang pegawai ADNI ke JAIS bagi memahami dasar dan kaedah pelaksanaan IHES. Penubuhan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Kuala Langat (2008) merupakan sekolah rintis pelaksanaan IHES. Matlamat IHES ini selari dengan Falsafah Pendidikan Islam, JAIS yang menekankan kepada beberapa elemen seperti berikut;

*“Pendidikan Islam JAIS adalah satu usaha berterusan ke arah membina potensi individu berilmu, beriman, beramal, berakhlak mulia dan berketrampilan secara seimbang dan sepadu berlandaskan Wahyu Allah dan Sunnah Rasulullah bagi melahirkan masyarakat muslim yang bertaqwa, maju, mampu bersaing untukmendapat kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat”.*

IHES yang dibangunkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ini merupakan satu sistem yang membantu sistem Pendidikan Islam di negeri Selangor. Sistem ini diamalkan di semua sekolah di bawah kelolaan JAIS yang menjadi pemangkin kepada sistem pendidikan kebangsaan yang sedia ada. Sistem ini juga merupakan suatu pendidikan yang sepadu, seimbang dan menyeluruh melalui pengintegrasian potensi insan, kepelbagaian kurikulum dan media bagi

mencapai visi, misi, matlamat, objektif dan falsafah pendidikan Bahagian Pendidikan Islam JAIS berlandaskan al-Quran dan As-Sunnah untuk melahirkan hamba Allah SWT yang diredhai. Budaya amalan pengajaran dan pembelajaran yang berterusan berteraskan al-Quran dan As-Sunnah yang merupakan asas kepada kewujudan keberkatan dalam kehidupan manusia di samping penerapan teori pembelajaran dari pelbagai sumber. Satu proses membina tamadun pembelajaran sepanjang hayat adalah satu usaha berterusan ke arah membina potensi individu berilmu, beriman, beramal, berakhlak mulia dan berketrampilan secara seimbang dan sepadu berlandaskan wahyu Allah dan Sunnah Rasulullah bagi melahirkan masyarakat muslim yang bertaqwa, maju, mampu bersaing untuk mendapat kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Dalam meneliti konsep kemenjadian murid, terdapat banyak definisi yang telah diajukan dalam kajian terdahulu. Apa yang diamati melalui beberapa istilah kemenjadian murid adalah merupakan perubahan tingkah laku dalam bentuk keberhasilan murid selepas melalui proses pembelajaran secara formal mahupun secara tidak formal. Aspek kemenjadian murid ini merupakan menjadinya murid itu sebagai seorang modal insan. Ia bukan hanya dinilai berdasarkan pencapaian akademik sahaja. Kemenjadian murid dilihat melalui hasil keberkesanan proses persekolahan secara holistik. Kualiti murid bukan sahaja dilihat dari segi pencapaian akademik berdasarkan keputusan peperiksaan sahaja. Untuk menilai aspek kemenjadian murid, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 boleh dijadikan rujukan. Intipati PPPM memfokuskan enam ciri murid yang menjadi aspirasi negara, iaitu murid berpengetahuan, berkemahiran berfikir, berkemahiran memimpin, berkemahiran dwibahasa, beretika dan berkerohanian, serta mempunyai identiti nasional. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan PPPM, isu kemenjadian murid menjadi tumpuan. Murid dinilai dalam semua program dan aktiviti kurikulum dan kokurikulum yang dijalankan oleh guru dan pihak sekolah.

Kemenjadian murid membawa maksud perihal murid di dalam bidang akademik, kokurikulum serta pembangunan sahsiah yang membawa kejayaan kepada sesebuah sekolah dalam menghasilkan pendidikan yang berkualiti tinggi. Manakala Mohd Asran (2011) mendefinisikannya sebagai indikator penerimaan ilmu yang dapat diukur melalui perubahan tingkah laku, atau lebih dikenali sebagai kemenjadian murid dan proses ini berterusan hingga ke akhir persekolahan. Secara mudahnya "kemenjadian murid" itu adalah "*outcome*" atau rupa bentuk insan yang akan dihasilkan. Rupa bentuk insan yang kita mahukan itu telah digaris secara sempurna dan bertulis dalam FPK.

Dalam kandungan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025 yang menekankan aspek kemenjadian murid melalui Aspirasi Murid dengan memberi enam ciri utama murid adalah usaha memantap dan memperkasakan lagi makna kemenjadian murid dalam FPK. Enam ciri utama murid yang dihasratkan;

1. Murid yang mempunyai pengetahuan
2. Murid yang mempunyai kemahiran berfikir
3. Murid yang mempunyai kemahiran memimpin
4. Murid yang mempunyai kemahiran dwibahasa
5. Murid yang mempunyai Etika dan Kerohanian
6. Murid yang mempunyai Identiti Nasional

Justeru itu, dapatlah difahami bahawa kemenjadian murid merangkumi tiga aspek penting yang menjadi domain utama pembelajaran iaitu, ilmu pengetahuan, kemahiran sosial dan mengamalkan nilai murni dalam kehidupan. Matlamat akhir kelak adalah membentuk masyarakat

Malaysia yang lebih toleran, menghormati orang lain dan berilmu pengetahuan (Julian@Juliana George Jette & Mohd Izham Mohd Hamzah 2020).

Sementara itu, hasil dari kemenjadian murid juga sebagai penanda aras kepada pencapaian sesebuah sekolah. Menurut Lee & Shukuri (2016), kemenjadian murid adalah sebagai keberhasilan diperoleh oleh murid dalam kecemerlangan peperiksaan. Manakala dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia gelombang ke-2 (SKPMg2), Jemaah Nazir Jaminan Kualiti, KPM (2016), kemenjadian murid diukur berdasarkan pada aspek kemenjadian akademik, kemenjadian kokurikulum dan kemenjadian sahsiah diri murid. Dalam PPPM 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia, telah melancarkan satu program transformasi sekolah (TS25) dengan motif untuk meningkatkan kemenjadian murid berkualiti melalui potensi pengajaran dan pembelajaran guru (P&P). Justeru itu, amalan P&P guru sangat signifikan dalam membentuk kemenjadian murid dari aspek akademik. Kemenjadian aspek akademik diperoleh setelah murid melalui proses P&P dan ditaksir oleh guru untuk menentukan tahap pencapaian murid secara individu. Manakala keberhasilan murid melalui penglibatan kokurikulum adalah merupakan aktiviti yang dirancang serta lanjutan daripada proses P&P dalam bilik darjah (Zuraida 2013).

Kajian ini juga memfokuskan kepada konsep kemenjadian sahsiah murid yang merupakan kesinambungan daripada penglibatan murid di dalam aktiviti kokurikulum iaitu meningkatkan disiplin diri dan mewujudkan budaya sihat di sekolah. (Irwan et al. 2015). Selain daripada itu, pelaksanaan guru semasa proses P&P juga turut membentuk kemenjadian murid dari aspek kemenjadian sahsiah diri. Kini dalam suasana pandemik COVID-19, para pendidik seluruh dunia dan di Malaysia khususnya berdepan dengan pelbagai cabaran melaksanakan aktiviti kokurikulum. Tambahan pula bersesuaian dengan zaman digital yang sangat kompetitif, kebanyakan murid lebih cenderung memilih aktiviti secara maya.

### **Pernyataan Masalah**

Dunia masa kini yang penuh risiko, sangat dinamik dan kompetitif serta terdapat pelbagai isu berkaitan keruntuhan akhlak, nilai-nilai sahsiah dalam kalangan murid masih sering lagi menjadi tajuk perdebatan masyarakat. Salah satu sebab kepada isu keruntuhan akhlak adalah kesukaran sistem pendidikan negara dalam melahirkan murid-murid yang memenuhi keperluan nilai-nilai murni. Masalah yang belum dapat diselesaikan ini semakin membimbangkan dan sepatutnya tidak boleh diabaikan sama sekali terutama di peringkat remaja yang masih di bangku sekolah. Kawalan daya tahan diri mereka perlu diperteguhkan sebelum menjadi semakin parah jika dibiarkan dan angka menjadi semakin menakutkan untuk mereka berada di mana-mana komuniti masyarakat (Nor Anisa et.al 2020). Penggunaan teknologi digital dalam kalangan murid telah meningkat pesat sejak sedekad yang lalu. Murid yang melalui peringkat perkembangan kritikal seperti pembentukan identiti dan membina persahabatan positif, tenggelam dalam era digital (George & Odgers, 2015). Kajian daripada Turkle (2011) berpendapat bahawa murid hari ini berinteraksi dengan lebih banyak dengan telefon mereka antara satu sama lain, yang boleh menyebabkan mereka terlepas pengalaman sosial penting termasuklah penglibatan kokurikulum.

Walau bagaimanapun, pengkaji lain juga menyatakan bahawa murid masih berinteraksi antara satu sama lain seperti sebelumnya dan mempunyai kualiti yang sama. Namun begitu, tempat untuk interaksi sosial yang telah berubah menjadi digital (Boyd, 2014). Oleh kerana persahabatan dan komunikasi dengan rakan sebaya adalah penting untuk perkembangan kemahiran sosial sepanjang hayat, terdapat kebimbangan iaitu kemahiran sosial murid mungkin boleh diubah atau terjejas secara negatif apabila dibuat secara digital (George & Odgers, 2015). Satu kajian yang



dijalankan oleh Roberts & Foehr (2008) mengenai aktiviti kokurikulum murid mencadangkan media baharu seperti Facebook, Twitter dan lain-lain menggantikan atau meningkatkan aktiviti rekreasi lain tetapi tidak mengambil masa daripada murid. Kini berlaku perubahan medium atau pendekatan aktiviti kokurikulum yang dijalankan oleh pihak sekolah. Rata-ratanya lebih berbentuk secara atas talian seperti larian maya, berbasikal secara maya, aktiviti penanaman pokok, nasyid, deklamasi sajak secara maya dan lain-lain aktiviti yang menggunakan medium secara maya. Dalam melaksanakan aktiviti murid dikehendaki memuatnaik video atau rakaman kepada pihak sekolah.

Dalam erti kata lain, masa yang dihabiskan oleh murid di rangkaian laman sosial adalah masa yang sama biasanya digunakan untuk aktiviti kokurikulum dan kesan daripada itu tidak mengambil masa produktif mereka untuk belajar. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor perilaku boleh mempengaruhi aktiviti fizikal dalam kalangan murid. Sebagai contoh, penggunaan teknologi yang semakin meningkat telah dicadangkan sebagai penyumbang yang mungkin menurunkan tahap aktiviti fizikal dalam kalangan komuniti global termasuk di Amerika Syarikat (Ng & Popkin, 2012). Walau bagaimanapun, teknologi telah dijadikan sebagai salah satu penyebab aktiviti kokurikulum menurun dan tingkah laku yang tidak aktif.

Kurangnya aktiviti fizikal kerana kekerapan menonton televisyen, penggunaan komputer, dan permainan digital iaitu sepatutnya menggunakan masa tradisional untuk aktiviti fizikal. Selain itu, teknologi dalam bentuk permainan digital dan hiburan berkaitan jelas merupakan isu daripada segi menghadkan waktu harian untuk aktiviti kokurikulum. Sesetengah penyelidik menyimpulkan bahawa tahap aktiviti fizikal yang rendah dalam kalangan murid disebabkan oleh aktiviti waktu skrin yang berlebihan (teknologi seperti menonton televisyen, penggunaan komputer dan bermain permainan video). Aspek-aspek ini perlu diberi perhatian dengan lebih serius supaya aktiviti ko kurikulum perlu diberi nafas baharu sesuai dengan perkembangan semasa.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Terdapat dua objektif dalam kajian ini iaitu;

1. Meneroka tahap kefahaman guru sekolah rendah agama terhadap aspek kemenjadian murid
2. Meneliti kepentingan kokurikulum dapat membentuk kemenjadian murid

## **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini menggunakan kajian kualitatif deskriptif yang mana dapat membantu pengkaji menyiasat isu yang dikenalpasti dengan mendalam dan terperinci dengan mengekalkan keasliannya secara holistik (Patton 1990). Pendekatan kualitatif ini dipilih bagi membolehkan pengkaji melihat situasi sebenar iaitu aktiviti yang berlaku, dilihat dan dialami dalam suasana yang sebenar dalam persekitaran kawasan kajian (Yin 1994). Kajian ini adalah berguna untuk menerangkan bagaimana dan apa yang berlaku, menambahkan pengetahuan, membangunkan dan menganalisis dapatan dari pelbagai sumber sertamenyediakan data yang banyak serta mentriangulasikan data untuk kesahan maklumat. Pengulangan kajian yang sama di tempat yang berasingan menggunakan protokol yang hampir sama membantu pengesahan dan replikasi (Ginsburg & Rhett 2003).

Pengkaji telah mengumpul maklumat melalui proses temu bual pelbagai sumber dan disokong data dari dokumen untuk menganalisis dan membuat interpretasi tentang fenomena ini. Seterusnya pengkaji membuat deskripsi segala maklumat yang diperolehi, menganalisis dengan

membuat interpretasi, pengkategorian dan membina konsep daripada pelbagai sumber disokong dengan pelbagai kaedah. Dalam kajian ini, informan atau peserta kajian adalah merujuk kepada mereka yang diminta memberi fokus kepada fakta-fakta berdasarkan soalan temu bual yang memerlukan seseorang itu membina semula pengalaman secara aktif dalam konteks mereka berada (Seidman 1998). Pengkaji menamakan informan kajian dari peserta pertama hingga ke sembilan dengan menggunakan P1 hingga ke P9 untuk menjaga aspek etika dan kerahsiaan. Tujuan pemilihan peserta kajian adalah untuk memberi gambaran daripada pelbagai sudut untuk fenomena yang dikaji (Barbour, 2008; Wills, 2007).

Dalam kajian kualitatif jumlah peserta adalah kecil, maka untuk memahami fenomena yang dikaji, peserta kajian mestilah bertujuan dan bersesuaian untuk dipilih sebagai peserta kajian (Merriam, 2009). Pemilihan peserta kajian ini telah dibuat berdasarkan cadangan Gay (1996), menggunakan teknik *purposive sampling* atau persampelan bertujuan yang bermaksud sampel kajian dipilih dengan tujuan tertentu. Pemilihan peserta kajian secara bertujuan juga berdasarkan peserta kajian yang dipilih boleh menyampaikan maklumat tentang sesuatu fenomena secara holistik dan bermakna (Cresswell, 1998; Mills & Airasian, 2003; Seidman, 1998). Dalam kajian ini, peserta-peserta kajian mempunyai kriteria berikut;

1. Melibatkan sembilan (9) orang guru-guru Sekolah Rendah Agama yang mewakili sembilan (9) daerah yang terdapat di negeri Selangor yang mengajar di sekolah di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
2. Guru-guru SRA yang pernah terlibat dan menguruskan aktiviti ko kokurikulum di SRA, JAIS.
3. Kesanggupan untuk menjadi peserta kajian dan kebenaran daripada pihak pengurusan sekolah turut menjadi pertimbangan.
4. Kerelaan menjadi peserta kajian. Berdasarkan cadangan daripada Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Bagi tujuan pengumpulan data, pengkaji telah mengemukakan soalan-soalan temubual untuk dijawab serta mendapat kebenaran peserta kajian untuk menyimpan dan meneliti serta menggunakan bahan-bahan berkaitan dengan persoalan kajian (Marohaini, 2001). Kajian ini menggunakan proses secara manual dari aspek mengurus data yang telah dikumpulkan dengan mengekod tema, mengkategorikan dan menganalisis setiap data yang diperolehi. Selain itu, analisis berterusan ini dapat menentukan data yang akan dipungut seterusnya tidak berulang. Maklumat daripada proses penganalisan awal membolehkan pengkaji mengelakkan diri daripada mengumpul data yang sama. Ini sudah tentu menguntungkan dari segi kos masa dan tenaga. Penganalisan data yang dibuat secara berterusan sepanjang tempoh pengumpulan data telah mengelakkan berlakunya longgokkan data. Proses seperti ini membolehkan pengkaji menyusun dan menyimpan data secara sistematik yang akan memudahkan kerja penganalisan selepas pengumpulan data.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian bagi objektif pertama mendapati terdapat empat tema utama berkaitan dengan kefahaman guru SRA terhadap konsep kemenjadian murid. Antara konsep yang difahami adalah seperti holistik, JERIS, kemahiran dan faham ilmu. Bagi memudahkan pemahaman, paparan dalam Jadual 2 di bawah merumuskan konsep tersebut. Dapatan kajian ini diambil dari temubual secara mendalam bersama guru yang mengajar di SRA. Terdapat beberapa konsep kemenjadian murid yang telah dikenalpasti.

Jadual 2: Rumusan tema dan subtema bagi tahap kefahaman guru SRA terhadap konsep kementajadian murid

Kategori	Tema	Subtema
Konsep kementajadian murid	Holistik	Akademik Kemahiran Bertanggungjawab Capai kesejahteraan diri Berkeupayaan Sopan santun Adab Personaliti yang baik
	JERIS	Jasmani Emosi Rohani Intelek Sosial
	Kemahiran	Kepimpinan Berfikir
	Faham ilmu	Aplikasi ilmu Amal perkara baik

Sumber: Temubual Guru SRA

Jadual 2 menunjukkan dapatan kajian terhadap konsep kementajadian murid yang dimulakan dengan tema i) holistik, ii) JERIS, iii) kemahiran, iv) faham ilmu.

### **i. Holistik**

Tema pertama dimulakan dengan dapatan kajian berkait dengan aspek holistik. Holistik merujuk kepada satu usaha-usaha pembangunan insan ini merupakan satu usaha pendidikan yang paling utama. Ia bertujuan untuk melahirkan manusia yang berkeupayaan membangunkan seluruh potensi diri dan setiap bakat serta kebolehan yang tersembunyi di dalam diri seseorang. Aspek ini menunjukkan hasil sesuatu pembelajaran itu diperolehi secara menyeluruh. Peserta P1 dan peserta P2 menyatakan kementajadian murid adalah merupakan pencapaian secara menyeluruh yang merangkumi akademik dan akhlak murid. Pernyataan ini menunjukkan pandangan beliau; "*murid yang dididik secara holistik dalam pengurusan sekolah yang cekap berupaya mencapai potensi diri yang sepenuhnya dalam penguasaan pengetahuan dan kemahiran, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri*". Di samping itu kementajadian murid ini merujuk kepada pencapaian murid yang melibatkan personaliti dan akhlak yang baik. Demikian pernyataan peserta kajian P2; "*kementajadian murid ialah satu pencapaian murid yang menyeluruh bukan sahaja dari segi akademik malah merangkumi pelbagai kemahiran, akhlak (adab) serta mempunyai personaliti yang baik*". Peserta P8 juga menyatakan kementajadian ini merujuk kepada aspek kognitif, fizikal dan perlakuan. Pernyataan beliau; "*nilai holistik dari segi kognitif, fizikal dan perlakuan dapat diperolehi dari penglibatan kokurikulum*".

Pendidikan dari sudut Islam memperlihatkan suatu paradigma yang bersifat holistik, sepadu dan seimbang. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya.”  
(Surah al-Baqarah, ayat 208)

Pendidikan Islam bersifat holistik atau menyeluruh kerana ia meliputi perkembangan manusia dari aspek jasmani, rohani, intelek dan emosi secara bersepadu yang mana potensi ini dapat digunakan untuk meningkatkan pelbagai aspek kehidupan manusia. Manakala seimbangannya Pendidikan Islam kerana ia menekankan kemajuan dan kebahagiaan hidup manusia di dunia dan akhirat. Maka, aspek rohani perlu diberikan tumpuan kerana ianya adalah asas kepada pembangunan yang menyeluruh meliputi aspek jasmani, emosi dan intelektual murid-murid (Noor Hisham, 2018)

## ii. JERIS

Tema yang kedua pula merujuk kepada aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Aspek-aspek ini merupakan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan pembentukan dan perkembangan ilmu, kemahiran, kerohanian dan jasmani manusia. Secara umumnya, pendidikan itu hanyalah bentuk-bentuk latihan bagi membentuk diri individu, masyarakat dan negara sesuai dengan realiti dan cabaran semasa. Peserta P4 menyatakan pandangan beliau kementerian merujuk kepada aspek pengembangan potensi individu secara menyeluruh. Pernyataan ini merujuk kepada pernyataan beliau; “*kemenjadian murid bukan dilihat dari segi akademik sahaja akan tetapi dilihat juga secara holistik dari segi JERIS*”. Pembangunan insan adalah satu proses membentuk dan mendidik manusia secara seimbang dan holistik. Ia merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, fizikal, intelektual dan sosial untuk kepentingan duniawi dan ukhrawi. Proses membangunkan manusia ini memerlukan satu usaha yang konsisten dan berterusan agar tidak berlaku kepincangan dalam mana-mana peringkat pelaksanaannya.

Dengan ini dapatlah difahami bahawa manusia yang berjaya bukan sahaja mereka yang cemerlang pada satu-satu aspek sahaja malahan istilah berjaya sebenar diukur pada kualiti rohaninya. Ini dijelaskan dalam al-Quran surah al-Mukminun: 1 yang maksudnya: “*Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman iaitu orang-orang yang khusyu' dalam sembahyangnya.....*”. Berdasarkan ayat ini dapat difahami kekuatan dalaman seseorang merupakan kayu ukur bagi menentukan tahap kejayaan seseorang. Oleh kerana itu, FPK menekankan pembangunan rohani dan emosi secara seimbang dengan menerapkan nilai-nilai murni merentasi kurikulum (Ahmad Mohd. Salleh, 2008). Manakala bagi mengukuhkan lagi ilmu yang menghubungkan kepada kemantapan rohani, prinsip kepercayaan dijadikan pegangan oleh FPK. Keimanan dan ketaqwaan kepada Allah akan mengukuhkan lagi sahsiah peribadi manusia. Justeru itu, antara unsur-unsur rohani yang diterapkan dalam kurikulum pendidikan ialah menyedari dan menginsafi daya Pencipta, menghargai dan mensyukuri pemberian Pencipta, menyedari dan menginsafi tanggungjawab, memupuk dan membina disiplin sendiri serta membentuk akhlak mulia (Ahmad Mohd Salleh, 2008; Noor Hisham, 2018). Berkaitan dengan pembangunan rohani dan emosi ini pula boleh dihubungkan dengan afektif iaitu tentang perasaan dan kejiwaan (Saharia 2015).

## iii. Kemahiran

Manakala tema ketiga merujuk kepada kemahiran yang diperolehi oleh murid apabila menyertai aktiviti kokurikulum. Kemahiran merupakan elemen penting dalam pembangunan diri murid. Murid merupakan aset penting dan bakal menjadi pewaris kepimpinan negara maka perlu untuk mereka mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu, mempunyai disiplin, berkualiti tinggi dan menjadi insan sempurna yang dapat mencurahkan khidmat kepada keluarga bangsa dan negara. Peserta

kedua menyatakan pelbagai kemahiran dapat diperolehi dari penglibatan murid dalam aktiviti ko kurikulum. Pernyataan beliau; “kemahiran yang dimaksudkan seperti kemahiran kepimpinan, kemahiran berfikir dan kemahiran beretika”. Kepimpinan dapat dilatih melalui aktiviti pakaian seragam, persatuan, kelab dan sukan. Mengulas perkara yang sama Shamsaadal Sholeh Saad (2004) dan Mohamad Ismail Mohamad Yunus (2004) menyatakan melalui kokurikulum, remaja diajar menjadi pemimpin, mematuhi peraturan dan etika, berkomunikasi, membuat keputusan, menyelesaikan masalah, bekerja dalam kumpulan di samping menyemai nilai-nilai yang positif seperti berdisiplin.

Di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025), terdapat enam (6) aspirasi murid untuk bersaing di peringkat global. Salah satunya adalah kemahiran berfikir. Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis telah bermula pada tahun 1994. Kemahiran berfikir ini memberi fokus kepada kemahiran berfikir kritis dan kreatif ke arah penyelesaian masalah dan membuat keputusan, metakognisi dan penekanan dalam kurikulum dan pedagogi. Menurut Tengku Nor Husna binti Tengku Jamil, Hasanah binti Abd Khafidz dan Khazri Osman (2019) menyatakan tahap kemahiran berfikir pelajar yang paling tinggi adalah apabila pelajar berkebolehan merumuskan pengetahuan, mengaplikasikan kemahiran dan nilai daripada kandungan yang dipelajari dalam membentuk perubahan tingkah laku pelajar seterusnya mempamerkan ciri-ciri kepimpinan sebagai seorang yang bertakwa yang boleh dicontohi atau membimbing orang lain.

#### **iv. Faham ilmu**

Tema keempat merujuk kepada faham ilmu. Konsep kemenjadian murid merujuk kepada murid yang memahami ilmu yang dipelajari. Ilmu juga memangkin individu yang sempurna dan tamadun lebih berjaya. Peserta P5, P6 dan P7 menyatakan kemenjadian ini menjadikan murid lebih memahami ilmu yang dipelajari. Antara pernyataan mereka adalah seperti berikut:

No.	Peserta	Petikan
1	P5	<i>Mengaplikasikan ilmu yang dipelajari.</i>
2	P6	<i>Kefahaman murid tentang sesuatu pelajaran</i>
3	P7	<i>Murid dapat mengamalkan perkara-perkara kebaikan dan akhlak yang soleh dalam kehidupan mereka.</i>

Ilmu merupakan perkara yang sangat diperlukan oleh manusia khususnya umat Islam untuk mencapai kebaikan dan kesejahteraan di dunia mahupun di akhirat. Pihak KPM telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 sebagai dasar kepada proses transformasi pendidikan. PPPM 2013-2025 ini menggariskan sebelas anjakan yang menjadi teras utama transformasi sistem pendidikan. Antaranya ialah anjakan ketiga, melahirkan rakyat yang menghayati nilai dan mempunyai identiti nasional (KPM, 2013).

Dapatan kajian bagi objektif kedua mendapati terdapat lima tema utama berkaitan dengan kepentingan ko-kurikulum dapat membentuk kemenjadian adalah seperti tema bentuk minat, bina potensi, kembangkan pemikiran, tanam semangat kerjasama dan sihat. Bagi memudahkan pemahaman, paparan dalam Jadual 3 di bawah merumuskan kepentingan tersebut. Dapatan kajian ini diambil dari temubual secara mendalam bersama guru yang mengajar di SRA.

Jadual 3: Tema dan subtema bagi kepentingan kokurikulum dapat membentuk kemenjadian murid

Kategori	Tema	Subtema
<b>Kepentingan kokurikulum</b>	Bentuk minat	Pelbagai bakat Ilmu agama
	Bina potensi	Khairun Ummah Murabbi Sosial Kepimpinan Kreatif dan kritis Keyakinan
	Kembangkan pemikiran	Teori dan praktis Nilai kehidupan Nilai tambah
	Pupuk semangat kerjasama	Guru dan murid Murid sesama murid
	Sihat	Fizikal Minda

Sumber : Temubual Guru SRA

### 1. Bentuk minat

Tema pertama berdasarkan dapatan kajian adalah bentuk minat. Pernyataan dari P1 menyatakan; *“Kokurikulum mmbantu mmbentuk minat dan kpelbagaian bakat murid yang boleh mnjdikan murid itu mencapai potensi diri”*. Manakala bagi peserta P2 dan P4 pula menyatakan aspek ko kurikulum ini dapat menjadikan murid lebih minat tentang ilmu agama. Di SRA terdapat banyak aktiviti yang mendedahkan kepada murid tentang amal Islami seperti Hafazan, bercerita dari al Quran, muhawarah, syarahan dalam Bahasa Arab dan Bahasa Melayu, Nasyid, Tilawah Al-Quran, Rawi, Marhaban, Azan dan Iqamah, Solat Jenazah, kuiz, Choral Speaking bertemakan tajuk-tajuk akhlak mulia, aspek taddabur Al-Quran dan lain-lain aktiviti yang dipertandingkan. Aktiviti-aktiviti secara tidak langsung dan tidak langsung akan mencungkil potensi dan bakat murid. Ini bertepatan dengan pandangan P2 yang mengulas tentang aspek kepentingan aktiviti kokurikulum ini. Pernyataan beliau; *selain daripada mendapat ilmu agama sewaktu PdP dijalankan. Dengan adanya kokurikulum untuk SRA ia akan dapat memberi tambahan dalam ilmu agama contoh Kelab Al-Quran...di situ murid-murid didedahkan dengan ilmu-ilmu Al-Quran seperti taranum Al-Quran. Di situ dapat mencungkil bakat-bakat murid bagi mewakili pertandingan KAMIL peringkat daerah.*

Selain dari itu juga, peserta P5 juga menambah aktiviti ini mendedahkan murid minat terhadap ilmu-ilmu agama yang sangat luas. Pernyataan beliau; *Yang pastinya kokurikulum SRA pasti berbeza dengan Kokurikulum di sekolah kebangsaan. Ini bagi memberi minat kepada murid2 tentang ilmu agama yang sangat luas.* Ini bertepatan dengan Mulyadi (2016) yang menyatakan peranan pendedahan terhadap ilmu agama ini dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan manusia. Pegangan agama juga boleh menjadi asas kepada ketamadunan dan acuan kepada latar budaya masyarakat.

## **2. Bina potensi**

Tema kedua pula adalah bina potensi murid. Menurut Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam usaha melahirkan pelajar-pelajar yang seimbang dalam aspek rohani, jasmani dan intelek, kokurikulum dapat menyumbang untuk melahirkan murid yang seimbang dari semua segi tersebut. Menurut Mohd Sofian, Aminuddin & Borhan (2002) kokurikulum merupakan suatu pelengkap kepada kehendak dan keperluan kurikulum di mana ia menyediakan pelbagai peluang kepada pelajar untuk menambah, mengukur dan mengamalkan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai yang telah dipelajari semasa pembelajaran di bilik darjah.

<b>No.</b>	<b>Peserta</b>	<b>Petikan</b>
1	P4	<i>Kokurikulum membantu membentuk minat dan kepelbagaian bakat murid yang boleh menjadikan murid itu mncapai potensi diri</i>
2	P7	<i>Aspek koko membentuk kementrian murid memberi peluang kepada murid utk membina potensi diri serta membantu murid bersosial secara sihat dalam pelbagai aktiviti.</i>
3	P8	<i>Di samping dapat mencungkil bakat murid-murid ia juga membantu kita melahirkan murid yang murabbi Dan Khairan Al-Ummah</i>
4	P9	<i>Melahirkan murid yang berdaya saing,berani dan mencungkil bakat</i>  <i>Melatih murid lebih berdisiplin. Peluang untuk mengetahui sifat atau kebolehan yang ada dalam diri murid khususnya di luar bilik darjah.</i>

Aktiviti kokurikulum yang dirancang juga diharapkan dapat mengembangkan potensi dan bakat murid dalam pelbagai aktiviti beruniform, kelab, persatuan dan sukan. Kokurikulum perlu untuk menerapkan nilai-nilai murni melalui perkembangan diri inividu ke dalam diri murid-murid. Nilai-nilai murni yang disisipkan melalui penerapan nilai semua mata pelajaran melalui pengajaran dan pembelajaran dapat dikukuhkan lagi melalui kegiatan kokurikulum. Pengalaman menjalankan aktiviti kokurikulum akan meluaskan daya fikir dan pengetahuan murid serta melahirkan kematangan fizikal, intelek, emosi, sosial dan nilai-nilai murni. Melalui kefahaman yang jelas terhadap konsep kokurikulum, adalah diharapkan nilai-nilai murni dapat diterapkan ke dalam kegiatan kokurikulum. Usaha membangun mendidik nilai yang baik dalam kalangan generasi kini dan akan datang memerlukan kepada persekitaran yang kondusif diteguhkan dengan ilmu dan sokongan yang pelbagai. Minda positif tidak akan terbentuk dan wujud di dalam persekitaran yang mengutamakan hiburan semata-mata tanpa memperkasakan nilai kerohanian di dalam jiwa (Marhaiza et al. 2015). Berbanding dengan generasi terdahulu, proses sosialisasi dan kematangan pada masa kini berlaku dengan keadaan yang berbeza-beza berdasarkan kepada faktor persekitaran yang ada. Pada asasnya, gaya kehidupan remaja Islam tidak boleh disamakan dengan gaya hidup remaja barat kerana remaja Muslim perlu dididik dengan nilai-nilai keislaman dan yang berteraskan kepada tauhid dan akhlak Islam (Ab. Halim, 2015).

## **3. Kembangkan pemikiran**

Bagi tema ketiga pula peserta P3 menyatakan “*aktiviti yang menarik dapat mengembangkan tahap pemikiran murid supaya menjadi lebih berpengetahuan tentang nilai kehidupan berbanding hanya menyentuh teori di dalam kelas sahaja*”. Manakala peserta P5 juga menambah; “*aktiviti yang menarik dapat mengembangkan tahap pemikiran murid supaya menjadi lebih berpengetahuan tentang nilai kehidupan berbanding hanya menyentuh teori di dalam kelas sahaja*”. Tema ini selari

dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam dokumen Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Ko-kurikulum (2014) yang menjelaskan tentang kokurikulum merupakan antara elemen yang diberi fokus di dalam Pelan Inisiatif Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dengan matlamat untuk melahirkan modal insan yang berupaya mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum akan menyemai budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan murid melalui kepelbagaian aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan di luar bilik darjah dengan memberi penekanan kepada penyelesaian masalah dalam tugasan atau projek.

#### 4. Pupuk semangat Kerjasama

Bagi tema keempat iaitu pupuk semangat kerjasama ini adalah dapat diwujudkan melalui guru dan murid serta murid sesama murid. Seterusnya, kegiatan kokurikulum yang dijalankan dapat menjalin hubungan silaturahim serta menyemai nilai-nilai murni dalam diri para murid, Hal ini kerana melalui sesuatu aktiviti, mereka akan berganding bahu melaksanakan tugas yang diberikan. peserta P6 menyatakan “*murid dapat menyemai semangat kerjasama sesama murid juga sesama guru dan murid*”. Peserta P8 juga menyatakan kepentingan kokurikulum di SRA “*memupuk semangat kerjasama dalam murid melatih diri murid sebagai pemimpin*”. Pandangan ini bertepatan dengan hasrat dari pihak Bahagian Pendidikan Islam, JAIS yang menganjurkan program tahunan ini adalah untuk mencungkil bakat dan potensi murid, menanam sifat dan kerjasama seterusnya merealisasikan matlamat Falsafah Pendidikan Islam JAIS.

#### 5. Sihat

Segala aktiviti yang bersifat membina minda dan fizikal yang sihat ini selari dengan laungan *al-‘aql al-salim fi al-jism al-salim*. Islam bukan sekadar menghendaki kesihatan pada pemikiran, malah juga kepada anggota badan supaya seseorang itu akan sihat pada keseluruhan dirinya. Peserta P7 menyatakan; “*aktiviti kokurikulum dapat menyihatkan tubuh badan dan untuk meningkatkan kecerdasan minda*”. Oleh itu, jelas bahawa kegiatan kokurikulum mampu menjamin kesihatan serta mencerdaskan otak pelajar sekali gus membantu mereka mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan.

### KESIMPULAN

Dalam pendidikan, kokurikulum adalah pembelajaran tambahan selain pembelajaran dan pengajaran dalam kelas yang rasmi. Ia mengandungi pelbagai aktiviti yang bertujuan meningkatkan kefahaman dan kemahiran pelajar dan kebaikan-kebaikan ini sangat memberi masalah kepada pelajar. Aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan di luar kelas dilihat sebagai mempunyai kesan kepada para pelajar. Ini kerana proses pembelajaran kokurikulum itu dapat mengukuh pemahaman murid terhadap aktiviti rutin yang dilakukan secara praktikal. Selain itu, waktu pembelajaran hanya melibatkan beberapa jam sahaja, namun aktiviti kokurikulum itu sangat penting sebagai mendidik pelajar menghadapi cabaran masa depan. Murid yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum di SRA disarankan supaya memantapkan pelbagai kemahiran ilmu yang bermanfaat.

Untuk memenuhi keperluan nilai-nilai sahsiah unggul murid, institusi pendidikan mahu pun kekeluargaan perlu memainkan peranan yang besar dalam melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri peribadi sahsiah yang mulia serta boleh memberikan sumbangan kepada pembangunan negara. Justeru, polisi pendidikan di JAIS masa kini bukan sekadar menumpukan kepada kecemerlangan akademik tetapi juga mampu membentuk murid bersahsiah tinggi sebagai



persediaan modal insan yang berdaya saing, berdaya tahan dari segi mental, fizikal, emosi dalam menghadapi cabaran global masa kini. Namun begitu, terdapat perkara-perkara yang dicadangkan boleh dibuat penambahbaikan dari segi pelaksanaan dan kandungan program-program pembentukan sahsiah khususnya aktiviti ko kurikulum. Setiap pelaksanaan aktiviti tersebut sudah pasti terdapat dimensi-dimensi yang sepatutnya ada dan perlu terkandung dalam setiap aktiviti tersebut seperti kecerdasan emosi, daya tahan dan tahap keterlibatan secara lebih berfokus.

## RUJUKAN

- Ab.Alim, A. R. 2004. *Pengurusan Gerak Kerja Kokurikulum*. Selangor. Penerbit Oxford Sdn. Bhd.
- Ab. Halim Tamuri.(2015). "Standardization of Islamic education excellence in the world." International Seminar Islamic Education in Global Era" di Institut Agama Islam Negeri Raden Intan Lampung, Indonesia pada 28 Disember 2015.
- Abu Bakar Nordin. 2013. *Kurikulum Ke Arah Penghasilan Kemahiran Berfikir Kritis, Kreatif dan Inovatif*. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik. Bil.1. Isu 1: 10-18.
- Afnan Faiz Ridzuan bin Ahmad & Jasni Sulong. 2019. *Aktiviti Kokurikulum Di Sekolah: Perspektif masalah daripada Perspektif Islam*. The Online Journal Of Islamic Education. December 2019, Vol. 7, Issue 21|. [http://ojie.um.edu.my/Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang](http://ojie.um.edu.my/Pusat_Pengajian_Ilmu_Kemanusiaan,Universiti_Sains_Malaysia, Pulau_Pinang).
- Asadullah, M. Niaz. 2018. *Madrasah for Girls and Private School for Boys? The Determinants of School Type Choice in Rural and Urban Indonesia*. International Journal of Educational Development (November 2018): 96–111.
- Boyd, D. 2014. *It's complicated: The social lives of networked teens*. New Haven, CT: Yale University Press.
- Curtin University. 2018. *Curtin Learning and Teaching. Collaborative Learning*. Retrieved from Curtin University website: [https://clt.curtin.edu.au/teaching\\_learning\\_practice/studentcentred/collaborative.cfm](https://clt.curtin.edu.au/teaching_learning_practice/studentcentred/collaborative.cfm)
- Fischer, N., & Theis, D. 2014. *Quality of extracurricular activities –Considering developmental changes in the impact on school attachment and achievement*. Journal for Educational Research, 6(3) : 54–75.
- George, M. J., & Odgers, C. L. 2015. *Seven fears and the science of how mobile technologies may be influencing adolescents in the digital age*. Perspectives on Psychological Science, 10: 832–851.
- Herppich, S. 2017. *Teachers' assessment competence: integrating knowledge, process and product-oriented approaches into a competence-oriented conceptual model, Teaching and Teacher Education*, <https://doi.org/10.1016/j.tate.2017.12.001>.
- Irwan Fariza Sidik, Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad. 2015. *Etos dan budaya sekolah memberi kesan kepada kemenjadian pelajar*. Proceeding 7th international seminar on regional education. Vol 1 : 216-235.
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. *Pengenalan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2)*.
- Juliana@Juliana George Jette dan Mohd Izham Mohd Hamzah. 2020. *Hubungan Kemenjadian Murid Dalam Proses Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Guru: Penilaian Pentadbir Sekolah*. Jurnal Dunia Pendidikan. e-ISSN: 2682-826X | Vol. 2, No. 1, 171-179.
- Lee & Shukuri. 2016. *Pengaruh kepimpinan instruksional, efikasi dan tugas rutin pengetua terhadap pencapaian akademik*. Malaysian Journal of Social Science.

- Lim Peng Geok 2018. *A Case Study in An Educational Institution About A Change Innovation Initiative*. Jurnal Kurikulum. Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Marhaiza Ibrahim, Ahmad Zubir Ibrahim, Selamah Maamor & Aznita Samsi (2015). *Pengajaran dan pembelajaran (P&P) ke arah melahirkan modal insan kelas pertama*. E-Journal of Holistic Student Development, 2(1), 12–22.
- Marjohan, J. & Mohd Sofian, O. F. 2007. *Developing human value through extra curricular activities*. The Journal of Human Resource and Adult Learning 3(1).
- Mulyadi. 2021. Jurnal Tarbiyah Al-Awlad, Volume VI Edisi 02 2016: 556-564.
- Norlena Salamuddin, Mohd Taib & Nur Asmara Diana .2011. *Teachers' Competency in School Extracurricular Management*. World Applied Sciences Journal 15 (Innovation and pedagogy for lifelong learning): 49-55.
- Ng, S. W., & Popkin, B. M. 2012. *Time use and physical activity: a shift away from movement across the globe*. Obesity reviews, 13(8) : 659-680.
- Nor Anisa Musa, Nor Aniza Ahmad & Mohd Syaubari Othman. 2020. *Penerapan Pembentukan Sahsiah Melalui Modul Sahsiah Unggul Murid (Sumur) Di Malaysia*. International Social Science and Humanities. Vol. 4, No.2E-ISSN: 2637-0271 : 55-69.
- Noor Hisham Md Nawi. (2018). *Membentuk Manusiawi Melalui Pendidikan*. Kertas kerja dibentangkan Simposium Kebangsaan Kecemerlangan Pendidikan Islam Dan Bahasa Arab 2.0 2018 anjuran Persatuan Intektual Muslim Malaysia pada 12 November 2018.
- Nur Izza Ainaa, M. R. & Wan Hanim Nadrah, W. M. 2014. *Leadership of Technical Students Through Co-Curriculum Activities in University*. Journal of Management Policies and Practices Vol. 2, No. 2 : 39-43
- Roberts, D., Foehr, U., & Rideout, V. 2005. *Use of individual media*. Menlo Park, CA: The Henry J. Kaiser Family Foundation.
- Roberts, D. F., & Foehr, U. G. 2008. *Trends in Media Use*. March 2008. The Future of Children 18(1):11-37.
- Saharia. 2015. *Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Journal of Human Capital Development. ISSN: 1985-7012 Vol. 8 No. 2 July - December 2015: 88-99.
- Sang, M. S. 2008. *Pengurusan Kokurikulum dan Pendidikan Sukan*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Sheila Michael dan Abdul Said Ambotang. 2019. *Hubungan Pengurusan Kokurikulum dengan Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities. (MJSSH). Volume 4, Issue 7: 202 -207.
- Shefman, P. K. 2016. *Using Direct Measures in the Cocurriculum*. Assessment Update, 28(6), 4-13. doi:10.1002/au.30076.
- Shiamila Chupramaniam dan Jamal@Nordin bin Yunus. 2021. *Hubungan antara Pengurusan dan Penglibatan Guru dengan Motivasi Murid dalam Kokurikulum di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Daerah Temerloh, Pahang*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 6, Issue 7 : 267-276.
- Tam, Y. K. 2010. *Pengurusan Kokurikulum*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Tengku Nor Husna binti Tengku Jamil, Hasanah binti Abd Khafidz dan Khazri Osman. 2019. *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pendekatan Tadzakkur*. Jurnal Al-Abqari. Vol. 19(Okt.) 2019: 33-45.
- Turkle, S. 2011. *Alone Together: Why we expect more from technology and less from each other*. New York: Basic Books.

- Yahya Don & Ibrahim. 2019. *The Effectiveness of Teacher Leadership and Students Involvement in Co-Curricular Activities in Malaysia Secondary School*. Borneo International Journal of Islamic Studies, Vol. 1(2): 129-145.
- Zarin Ismail dan Ab. Halim bin Tamuri. (2007). *"Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan wawasan pendidikan di Malaysia: Satu analisis perbandingan dengan Pancasila sebagai teras pendidikan di Indonesia"* dalam Zamri Mahamod et. al (Pyt), Pendidikan di Malaysia dan Indonesia: Satu Pengalaman di Riau. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM. 1-12.
- Zuraida Zulkapli. 2013. *Kajian kemenjadian murid di Sekolah Menengah Islam Hidayah Johor Bahru, Johor*. Laporan projek Ijazah Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.